



**TEKS UCAPAN
KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN
AWAM (KPPA)**

**SEMPENA PERSIDANGAN MAJLIS
BERSAMA JABATAN (MBJ) PERINGKAT
PERSEKUTUAN DAN NEGERI
TAHUN 2024**

TARIKH : 14 OGOS 2024 (RABU)
TEMPAT : RAFFLESIA BALLROOM,
HOTEL PALM GARDEN
PUTRAJAYA
MASA : 12.00 TENGAH HARI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum W.B.T.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Terima kasih kepada Pengerusi Majlis.

SALUTASI

(Disediakan secara berasingan)

Seterusnya YBhg. Dato'/Dr./Tuan/Puan, para hadirin Persidangan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat Persekutuan dan Negeri bagi tahun 2024.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat bersama-sama dalam **Persidangan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat Persekutuan dan Negeri bagi tahun 2024** pada hari ini.

2. Seperti semua sedia maklum, persidangan ini diadakan pada setiap tahun bagi menghimpunkan **Pengurus Sumber Manusia** di peringkat agensi induk dalam satu forum.
3. Tujuannya sudah tentu untuk membincangkan dan mengenal pasti penambahbaikan berkaitan dengan pengurusan hubungan majikan dan pekerja yang boleh dilaksanakan.
4. Justeru, terima kasih kepada semua yang hadir mewakili Kementerian mahupun Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing.
5. Sesungguhnya, komitmen yang diberikan ini memperlihatkan iltizam kita untuk memperkukuhkan dasar dan pelaksanaan hubungan majikan-pekerja di sektor awam.

LANSKAP BAHARU PERKHIDMATAN AWAM

Hadirin yang saya hormati sekalian,

6. **Penyampaian perkhidmatan awam pada hari ini berhadapan dengan pelbagai trend global** hasil kemajuan serta penggunaan peranti digital. Antaranya, telah wujud **kelompok kakitangan *Digital Natives*, yang rata-ratanya lahir pada tahun 1980-an.**
7. Mereka ini **cenderung mencari makna *work-life balance*** dalam kerja dan kurang menumpukan pada kadar gaji yang diterima. Lantaran itu, kehendak serta keperluan yang berbeza

ini perlu diambil perhatian bagi menjamin kesejahteraan persekitaran organisasi.

8. Jika kita amati laporan yang dikeluarkan oleh **Price Waterhouse Coopers (PwC)**, terdapat **lima (5) elemen yang berupaya membentuk landskap baharu dunia**. Elemen yang dimaksudkan ialah:
 - (i) **Perubahan cuaca (*climate change*)**;
 - (ii) **Pengganggu teknologi (*technological disruption*)**;
 - (iii) **Perubahan demografi (*demographic shifts*)**;
 - (iv) **Keretakan kestabilan dunia (*fracturing world*)**; dan
 - (v) **Ketidakstabilan sosial (*social instability*)**.
9. Kesemuanya memberikan impak kepada individu, organisasi dan juga negara.
10. Sememangnya, cabaran-cabaran ini berkait dengan tata kelola perkhidmatan kerajaan. Oleh yang demikian kita perlu menerokai **keperluan kompetensi, pendekatan dan kaedah penyelesaian yang baharu**.
11. Misalnya, amalan kerja secara kolektif dan inovatif dalam organisasi. Kita perlu sentiasa mempunyai minda "***collaborative mindset***". Pelaksanaan tugas seharusnya berkonsepkan "***WE***" rather than "***ME***" supaya jaringan kerjasama akan membentuk **keberhasilan** yang lebih baik.
12. Sesungguhnya, saya percaya bahawa **permulaan yang efisien adalah bertitik tolak daripada perubahan dalam**

organisasi itu sendiri. Dalam erti kata lain, solidariti kukuh antara Pihak Majikan dan Pihak Pekerja merupakan akar yang mendukung kejayaan aspirasi negara. Insya-Allah.

HUBUNGAN MAJIKAN-PEKERJA PEMANGKIN PRODUKTIVITI

Hadirin yang saya hormati sekalian,

13. **Hubungan majikan dan pekerja bersifat kebergantungan (*interdependence*),** bukan sahaja meliputi ikatan kontrak dalam pekerjaan, tetapi juga melibatkan fizikal dan emosi. Rangkaian timbal balik yang saling mempengaruhi ini **mempunyai potensi mewujudkan situasi menang-menang** apabila sesebuah rundingan itu dilaksanakan.
14. Justeru, **pengurusan hubungan majikan-pekerja** yang baik akan **memberikan kesan pada motivasi pekerja** yang seterusnya menyumbang pada produktiviti.
15. Sebagai contoh, beberapa koglomerat tempatan seperti AIA Digital Malaysia, Aerospace Composite Malaysia, CIMB Bank dan IOI Properties Group telah disenaraikan antara ***The Best Companies To Work For In Asia 2023***. Jika diteliti, kekuatan syarikat-syarikat ini berkait rapat dengan inisiatif **menjaga keharmonian tempat kerja** khususnya dalam aspek kebajikan kakitangan.

16. Bagi organisasi awam pula, demografi perkhidmatan dan budaya kerja sedikit berbeza. Atas sebab itu, platform seperti MBJ perlu diperkasa bagi mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dan kerjasama yang erat dalam kalangan semua pihak. Dengan kata lain, pelaksanaan MBJ ini umpama “**smart partnership**” antara Pihak Majikan dan Pihak Pekerja.
17. Malah jika diamati, konsep yang dibawa dalam MBJ adalah seiring dengan **aspirasi Malaysia MADANI**. Ini boleh dilihat apabila budaya **HORMAT** dan **IHSAN** menjadi wadah perundingan berhemah dalam sebuah keluarga besar di peringkat organisasi.

PENCAPAIAN PELAKSANAAN MBJ BAGI TAHUN 2023

18. Dalam hal ini, JPA amat serius terhadap pelaksanaan dasar pengurusan hubungan majikan-pekerja. Jika diteliti laporan prestasi MBJ bagi tahun 2023, **majoriti agensi induk sama ada di persekutuan atau di negeri aktif melaksanakan MBJ** selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Syabas saya ucapkan! Saya harap kecemerlangan ini dapat diteruskan pada tahun ini dan juga pada masa-masa yang akan datang.
19. Adapun demikian, difahamkan masih ada juga agensi yang tidak aktif dalam pelaksanaan MBJ. Malah, ada juga yang tidak mematuhi tempoh masa yang ditetapkan. Hal ini merupakan suatu cabaran yang harus ditangani oleh setiap agensi induk.

20. Walau bagaimanapun, **saya puji, tindakan *extra mile* oleh agensi induk dalam menangani perkara ini.** Saya diberitahu oleh Pengarah Bahagian Gaji dan Elaun (urus setia MBJ), agensi-agensi ini diberikan merit yang setimpal di dalam penilaian komitmen.

21. Jadi, bagi agensi yang **tidak dapat mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2023,** saya berharap anda semua dapat mengambil serius akan hal ini serta memberikan fokus dan keutamaan bagi meningkatkan prestasi dalam pelaksanaan MBJ.

MEMBUDAYAKAN H.E.M.A.T. DALAM PENGURUSAN HUBUNGAN MAJIKAN-PEKERJA

Hadirin sekalian,

22. Suka untuk saya menarik perhatian anda mengenai **perkaitan pengurusan dan pentadbiran MBJ dengan nilai-nilai H.E.M.A.T. yang telah saya perkenalkan.**

23. Hijrah tata kelola misalnya. Pengurus Sumber Manusia boleh memikirkan kaedah bagaimana pengurusan isu dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan. Seperti isu kekurangan sumber, mungkin **boleh diwujudkan pelan kapasiti (*capacity planning*) dengan penggunaan kaedah**

digital untuk melaksanakan penilaian, unjuran mahupun notifikasi.

24. Tidak perlulah berbelanja besar dengan melanggan aplikasi atau melantik syarikat luar. Cukup dengan sumber dan tenaga dalaman. Yang penting kita mulakan.
25. Sesungguhnya, **penggunaan sumber yang mengambil kira nilai untuk wang yang dilaburkan (*value for money*) boleh dilaksanakan melalui kerjasama strategik**, seperti yang saya tekankan dalam nilai minda pekin.
26. Sebagai contoh, pembangunan **Kiosk Pintar H.E.M.A.T. oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan**. Ianya terhasil daripada cetusan idea secara kolaborasi majikan dan pekerja serta pembudayaan digitalisasi. Hasilnya, urusan kaunter menjadi mudah dan mesra pelanggan. Pencapaian ini amatlah bertepatan dengan hasrat Kerajaan untuk **“merakyatkan perkhidmatan”** bagi kemudahan masyarakat.
27. Saya harap apresiasi inovasi seumpama ini dapat diperluaskan pelaksanaannya ke seluruh negara. Kita bukan sahaja dapat mempermudah urusan rakyat, tetapi juga berpotensi secara tidak langsung meningkatkan kedudukan kompetitif negara. Justeru, saya ingin melontarkan cabaran kepada setiap agensi. Manfaatkan platform MBJ ini untuk meneliti semula proses kerja kita, permudahkan, dan laksanakan kaedah baharu agar bersesuaian dengan era **Kepintaran Buatan (AI) dan digitalisasi** ini.

28. Tuntasnya, penerapan nilai-nilai H.E.M.A.T. dalam konteks MBJ merupakan mekanisme ampuh yang mengadun harmoni hubungan dua hala Pihak Majikan dan Pihak Pekerja.
29. Dan saya yakin, perkara ini akan lebih berkesan jika disemat dengan tiga prinsip, iaitu **memudahkan (*facilitate*)**, **menyesuaikan (*accommodate*)** dan **menyegerakan (*accelerate*)**.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati sekalian,

30. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya menyeru agar semua Ketua Jabatan khususnya KSU-KSU dan SUK Negeri untuk mengoptimumkan platform MBJ sebagai **medium strategik** dalam pengurusan dan pentadbiran organisasi. Saya yakin dengan pengurusan MBJ yang cemerlang akan **memangkin dan melonjakkan lagi kecemerlangan sesebuah organisasi**.
31. Saya juga berharap agar persidangan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam usaha **menambah baik dasar dan pelaksanaan MBJ sedia ada supaya kekal relevan** demi kepentingan dan kebaikan semua pihak.

32. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirahim** saya dengan ini **merasmikan penutupan Persidangan Majlis Bersama Jabatan Peringkat Persekutuan dan Negeri bagi Tahun 2024.**

Sekian.

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

-TAMAT -

(1,172 patah perkataan tidak termasuk salulasi)